

---

# Penyelidikan Tentang Usahawan Siber

---

BEN2014 – Pengenalan kepada  
Keusahawanan Siber

---

Dennis Lee | 1041102283  
Chen Chuck Wye | 1041102555

**KUMPULAN: BC193**

---

“Introduction to Cyberpreneurship” diterjemahkan oleh Ihsan & Hanisah Bahri  
<http://www.simplytranslate.net>

---

## **PENGENALAN**

*Samsul Zamzuri ialah seorang usahawan siber.  
Beliau tinggal di Sg. Buloh, jauh dari sebarang pusat perniagaan.  
Taman perumahan beliau tidak mempunyai khidmat talian Internet tetap.  
Beliau bekerja dari rumah.  
Pendapatan beliau adalah RM15,000 sebulan.*

*Apakah yang dimaksudkan dengan usahawan siber? Ia adalah gabungan dua perkataan iaitu 'usahawan' dan 'siber'. Secara kasarnya ia boleh mendukung pelbagai makna tetapi secara amnya, ia bermaksud seorang usahawan yang memiliki perniagaan berasaskan Internet yang menyasarkan pengguna antarabangsa. Usahawan siber tidak memerlukan pejabat atau staf sokongan yang ramai dari seluruh dunia. Mereka hanya memerlukan satu idea, idea yang hebat dan akses kepada Internet.*

*Samsul Zamzuri menepati segala ciri-ciri penerangan ini. Beliau tergolong dalam satu generasi baru ahli perniagaan yang bercita-cita tinggi dengan pelbagai idea hebat untuk pasaran antarabangsa. Dengan bersambungkan kepada platform dunia tanpa sempadan dan menggunakan cara bekerja moden dan alat-alat kolaboratif, mereka telah melibatkan diri dalam suatu jenis perniagaan baru yang tidak kenal erti batasan, yang mana hanya terhad kepada keluasan pengaruh Internet dan World Wide Web.*

*Dengan hanya duduk di ruang tamu bersama komputer riba kepercayaannya serta mengklik tetikus, beliau menjana pendapatan RM15,000 sebulan dengan hampir tanpa sebarang kos. Bagaimana beliau melakukannya? Apakah sebenarnya beliau buat?*

**Laporan ini menukulkan serba sedikit mengenai beliau, mindanya dan cara beliau bekerja.**

## PROFIL

3



**Nama** : Samsul Zamzuri Abu Bakar  
**Tarikh Lahir** : 19/12/1975  
**Tempat Kelahiran** : Sg. Petani, Kedah  
**Status Perkahwinan** : Berkahwin

### Pendidikan

**Rendah** : S.K. Darul Aman, Sg. Petani, Kedah  
**Menengah** : S.M. Sains Sultan Muhammad Jiwa, Sg. Petani, Kedah  
S.M.K. Ibrahim, Sg. Petani, Kedah (Ting. 6)  
**Tinggi** : Univesiti Malaya (Sarjana Muda Ekonomi -

### Pekerjaan Silam

Kerja Sambilan – Kafe Internet, Pantai Dalam, Lembah Pantai (1999)  
Kerani Data Entri – I.H.S. Malaysia (2000 - 2001)  
Eksekutif Jualan – Johor Franchise Development Sdn. Bhd. (2001 - 2002)  
Juruaudit Dalaman – Metro Parking Sdn. Bhd. (2002 - 2005)

### Hobi

**Reading** : Magazines (IT, Technology)  
Novels (Sydney Sheldon, John Grisham)

### Maklumat Hubungan

**Alamat** : No. 18 Jalan DC 1/11  
Desa Coalfields, Sg. Buloh  
**No. Tel.** : 019-2098010  
**E-mel** : samsulzamzuri@gmail.com  
**Laman Web** : <http://www.szab.net/blog>  
<http://www.szabnetwork.com>

## PEMBANGUNAN IDEA

---

*Dengan ringkas, bahagian ini akan membincangkan model perniagaan Samsul, idea beliau dan topik berkaitan dengan pembangunan idea.*

## Ringkasan

Pada dasarnya, Samsul adalah seorang penerbit dalam talian. Beliau menerbitkan artikel, ulasan, pandangan, karangan dan pautan di laman webnya yang banyak di Internet. Sesetengahnya ditulis oleh beliau sendiri tetapi kebanyakannya ditulis oleh orang lain dari serata dunia. Laman-laman web tersebut menarik perhatian ramai untuk melawat dan membacanya. Mereka dipanggil 'trafik' dalam terma perniagaan web.

Beliau menggunakan model pengiklanan isi kandungan dalam talian. Terdapat ruangan iklan di laman web beliau yang dikhaskan untuk menempatkan iklan, yang biasanya berkaitan dengan isi kandungan paparan. Sambil membaca, pengunjung beliau boleh juga mengklik iklan untuk mendapatkan lebih maklumat mengenai produk atau perkhidmatan yang diminati. Semakin ramai pengunjung yang mengklik iklan, semakin tinggilah yuran iklan yang boleh dikenakan Samsul kepada pengiklan. Semakin banyak trafik beliau dapat hasilkan, semakin banyaklah beliau akan mendapat keuntungan. Kini kebanyakan laman web beliau adalah laman web yang memberi ulasan produk pengguna, seperti ulasan tentang telefon bimbit, pemain MP3 dan juga laman yang menyediakan alat-alat dan berita teknikal.

Satu lagi cara utama beliau jana keuntungan adalah melalui direktori laman web. Dalam dunia Internet, 'trafik' amatlah penting untuk perniagaan. Semua laman web mengharapkan pengunjung yang ramai atau 'hits' yang banyak. Cara untuk mendapatkannya adalah dengan memiliki banyak pautan kepada laman web lain dan laman web lain tersebut membuat pautan kembali kepada laman web anda. Semakin ramai yang menjumpai pautan kepada laman web anda akan bermakna semakin ramailah orang mengkliknya untuk pergi ke laman web anda. Ini bermakna keuntungan anda meningkat kerana anda mempunyai lebih ramai pembaca dan boleh mengenakan bayaran (pengiklanan) yang lebih tinggi.

Direktori Laman Web mengandungi pautan keluar kepada semua laman dan berfungsi seperti buku direktori 'Yellow Pages' untuk Internet. Ramai pelayar Internet pergi ke direktori sebegini untuk mendapatkan maklumat berkenaan topik atau produk tertentu. Jadi, direktori seperti ini berpotensi mendatangkan pembaca yang ramai kepada laman yang berpaut kepada direktori tersebut dan laman web sanggup membayar wang bulanan yang banyak untuk disenaraikan.

Samsul memiliki beberapa direktori sebegini.

## Latar Belakang

Ia bermula dengan sebuah laman web satu halaman.

Sebagai pekerja sambilan di Kafe Internet semasa di universiti, salah satu tugas beliau adalah membina laman web kecil untuk kafe tersebut. Beliau mempelajari HTML, bahasa pengatucaraan Web dan berseronok dengannya. Apa yang beliau tidak sangkakan ialah betapa bernilainya ilmu tersebut di masa akan datang.

Pada tahun 2003, Samsul semakin menjadi penggemar teknologi. Salah satu aktiviti kegemaran beliau ialah mengubahsuai Windows desktop supaya lebih kelihatan seperti antara muka pengguna Apple Mac OS X (sistem operasi pesaing). Dengan alat dan perisian tertentu, seseorang boleh mengubah imej Windows kepada imej Mac OS X yang lebih estetik lagi menyenangkan. Beliau gemar mengunjungi laman web [aqua-soft.org](http://aqua-soft.org), satu-satunya laman web ketika itu yang berdedikasi untuk komuniti sebegini.

Namun seperti semua idea hebat, beliau dapati satu masalah. Aquasoft adalah laman web berasaskan forum. Peralatan dan perisian yang diposkan oleh pengguna forum terletak merata-rata dalam bahagian dan *thread* yang berbeza. Pengguna baru akan pening kepala untuk mengikuti perkembangan peralatan. Samsul tidak menggemari perkara ini dan mahu mengumpulkan semua peralatan ke dalam sebuah sistem yang mudah dicari.

Tidak lama kemudian, beliau mendirikan laman web sendiri dengan khidmat hosting web percuma GeoCities, di antara satu penyedia sulong khidmat percuma pada waktu itu. Bulan demi bulan, trafik ke laman webnya mula meningkat dan telah mencapai sekitar 500 pengunjung sebulan. Rakan Internetnya dari Amerika telah mengesyorkan, ***“Mengapa anda tidak buat duit dari laman web anda?”***

Samsul mula menggunakan Google AdSense. Pada dasarnya sistem ini meletakkan sekumpulan iklan pautan teks di sebelah sisi laman web anda. Sesiapa saja yang mengklik iklan tersebut akan menghasilkan pendapatan untuk webmaster. Webmaster tidak dibenarkan mengkliknya sendiri kerana ia adalah salah satu polisi sistem tersebut, yang juga mempunyai langkah balas terhadap penipuan sedemikian. Wang dapat dihasilkan tetapi cuma beberapa sen sahaja.

Sejak itu, minat beliau semakin mendalam. Satu soalan yang sering berulang dimindanya adalah ***“Bagaimana aku nak buat banyak lagi?”*** Beliau mula melakukan banyak penyelidikan dan melawat sebarang sumber Internet untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan. Pencarian tersebut telah mendorong beliau untuk membeli eBuku berjudul AdSense Secrets berharga US\$ 97. Sejak dari itu, Samsul memperbaiki laman webnya dan keuntungan sebenar mula diperolehi. Apabila beliau menerima sekeping cek bernilai US\$157 Google, hasrat beliau hanyalah satu - maju ke hadapan.

## Pembangunan Idea

Seperti kebanyakan usahawan tradisional, jika tidak semua, keghairahan adalah perkara utama untuk Samsul. Beliau hanya mengejar idea yang diminati dan juga apabila inspirasi datang kepada beliau. Sebagai contoh, laman web OSX-E, penjana pendapatan utama beliau dihasilkan kerana beliau gemar mengubahsuai desktop komputer peribadi. Cinta kepada sesuatu topiklah yang mendorong beliau untuk membina sesuatu jenis laman web.

Samsul lebih menyukai satu pendekatan yang lebih bersahaja untuk menjana idea. Apabila beliau lihat sesuatu yang menarik, beliau akan terus mengambil peluang tersebut. "Dalam perniagaan yang pantas seperti ini, kita mesti buat keputusan dan mengambil tindakan dengan cepat," kata beliau. Beliau telah menjadikan satu tabiat untuk mendaftarkan nama domain dengan segera sebaik saja beliau mendapat idea.

Walau bagaimanapun, hari ini, mempunyai idea yang baik tidak memadai lagi. Satu faktor mustahak adalah kelainan idea. "***Betapa bezanya anda daripada pesaing?***" kata beliau lagi. Jadi semua laman web Samsul berbeza daripada laman web pesaingnya dari segi:

### ❖ **Templat Yang Unik**

- ❖ sebagai laman web yang memberikan maklumat, imej yang berlainan daripada laman web dalam kategori anda adalah mustahak. Kesemua templat laman web Samsul direka bentuk oleh pereka bentuk web profesional. Setiap tahun, beliau akan mereka bentuk semula laman web beliau supaya terus dapat menarik pembaca baru dan juga menarik semula pembaca lama.

### ❖ **Isi Kandungan Yang Unik**

- ❖ Samsul menyasarkan isi kandungan yang berbeza untuk laman webnya. Satu contoh unik adalah, sehingga kini, tiada laman web lain yang serupa dengan laman web OSX-E miliknya. Menyediakan isi kandungan untuk suatu bidang pasaran yang khusus adalah cara yang betul untuk terus hidup dalam Internet. Jadilah seorang pakar dan bukan juruam.

### ❖ **Pusat Hentian Setempat**

- ❖ dalam gudang laman web Samsul, kebanyakannya menyediakan maklumat mengenai produk pengguna seperti TV dan alat terkini. Beliau menstrukturkan kesemua laman web tersebut seperti sebuah pusat hentian setempat untuk segala-galanya yang diperlukan pembaca beliau, dari ulasan produk sehinggalah pembelian pautan.

### ❖ Paparan Isi Kandungan

- ❖ dalam direktori web beliau, Samsul berjaya melakukan suatu kelainan. Beliau menyenaraikan pautan mengikut kadar bayaran yang ditawarkan oleh klien. Sementara direktori lain hanya mengelompokkan laman web tanpa menampilkan mana-mana laman web, Samsul meletakkan pembida yang tertinggi di tempat teratas halaman dan memaparkan tawaran mereka di bahagian sisi (US\$). Ini telah menghasilkan budaya pembidaan yang aktif dan lebih menguntungkan.

### ❖ Hosting Tempatan

- ❖ terutamanya pada laman web yang menawarkan fail untuk dimuat turun, faktor ini adalah penting untuk keandalan. Kebanyakan laman web lain dalam Internet menggunakan khidmat bukan tempatan, diluar kawalan mereka, untuk menghoskan fail dan isi kandungan. Penyedia khidmat bukan tempatan ini biasanya percuma dan oleh itu, tidak boleh dikawal oleh laman web yang menggunakannya. Apabila penyedia itu berada di luar talian, ada kemungkinan banyak fail dalam laman web akan hilang. Samsul sedar akan isu ini, jadi beliau menghoskan fail yang ditawarkan seperti perisian dan peralatan dalam laman web beliau sendiri. Dengan cara ini, beliau dapat mengawal keandalan laman web beliau dan menarik minat lebih ramai pelayar web.

## Proses Penciptaan

Berikut ialah langkah-langkah umum Samsul ambil untuk membangunkan sebuah laman web daripada satu idea sehinggalah ia siap. Setiap kitaran mengambil kira-kira 1-2 bulan.



## ❖ IDEA

- ❖ membangunkan idea kasar
- ❖ menyatakan fungsi & ciri laman web
- ❖ mendapatkan nama domain

## ❖ PENGATURCARAAN

- ❖ mencari skrip pengaturcaraan web dengan fungsi yang sesuai (CMS, PHP)
- ❖ mengupah pengaturcara dalam talian

## ❖ REKA BENTUK

- ❖ mengupah pereka bentuk dalam talian
- ❖ memberikan taklimat kreatif ringkas
- ❖ menyediakan contoh imej yang dikehendaki
- ❖ draf konsep daripada pereka bentuk (skim warna, gaya abjad, imej)
- ❖ mengkaji draf pertama
- ❖ pengubahsuaian
- ❖ reka bentuk terakhir

## ❖ ISI KANDUNGAN

- ❖ mencari sumber isi kandungan
- ❖ membangunkan isi kandungan
- ❖ mengkaji isi kandungan
- ❖ pengubahsuaian

## ❖ SEMAKAN PAUTAN

## ❖ PELANCARAN

- ❖ mengupah penulis siaran berita professional
- ❖ memberikan taklimat ringkas
- ❖ siaran berita dihantar ke laman web

## ❖ PROMOSI

- ❖ membeli ruang iklan di laman web lain
- ❖ membeli pautan teks di laman web lain
- ❖ menyenaraikan laman web yang dilancarkan ke dalam direktori web lain

## ❖ PENYENGGARAN

- ❖ mengupah penulis blog untuk mengemaskini isi kandungan harian
- ❖ mengendali laman web setiap hari

## ❖ SELEPAS 6 BULAN

- ❖ 100 pengunjung sehari
- ❖ pendapatan US\$150 sebulan

## ❖ MILIKI / JUAL

## PEMASARAN

---

*Bahagian ini akan menampilkan strategi pemasaran Samsul dan sasaran pasaran beliau.*

## Penyelidikan

Sebelum memulakan kerja ke atas suatu laman web, Samsul mulakan dengan kajian awal melalui Internet dan juga membuat bancian dengan meminta pendapat pembaca.

Kajian beliau merangkumi penjanaan idea dan juga beberapa kajian khusus web termasuklah populariti kata kunci dan Pengoptimuman Enjin Carian (SEO). Kepada webmaster, faktor ini jika tidak *disetup* dengan betul boleh menyebabkan laman web anda gagal daripada berjaya.

### ❖ Populariti Kata Kunci

- ❖ kajian terhadap kata kunci yang dimasukkan ke dalam alamat URL laman web. Sebagai contoh, jika anda menjual produk golf, mungkin anda akan mendapati pemain golf mencari kata kunci 'golf swing'. Jika alamat URL laman web anda memasukkan 'golf swing' dalam nama domain, laman web anda akan mudah dijumpai.

### ❖ Pengoptimuman Enjin Carian

- ❖ teknik khusus untuk menjadikan laman web anda muncul dan lebih mudah ditampilkan di tempat teratas halaman pertama enjin carian seperti Google dan Yahoo! Cara ini selalunya agak teknikal, namun ia adalah cara yang penting untuk meningkatkan populariti laman web.

## Pembaca / Pengguna

Umumnya, pasaran sasaran Samsul adalah pengguna web antarabangsa yang mahir. Khususnya, laman webnya menyasarkan pelbagai segmen pelayar web.

*OSX - E - peminat teknikal, komuniti pengubahsuaian desktop komputer peribadi*  
**Laman web Ulasan Pengguna** - *belia berkerjaya, pengguna barangan teknikal*  
**Direktori Web** - *webmaster, pemilik laman web*

Reka bentuk laman web beliau ditempah khas mengikut citarasa pengunjung dan terkini mengikut trend serta citarasa moden.

## Klien / Pengiklan

Samsul mempunyai pelbagai jenis klien, daripada pengiklan yang hanya membuat sekali belian sehinggalah kepada pelanggan yang berulang. Laman webnya menjadi sasaran pengiklan yang berbeza-beza, sama seperti mana sebuah akhbar mempunyai pelbagai bahagian dan pengiklan yang memilih bahagian berkaitan dengan produk mereka.

Khususnya, mereka ini terdiri daripada:

### ❖ Pesaing

- ❖ di dalam dunia pengiklanan Internet dan direktori web yang amat kompetitif, pautan dari mana-mana dan merata adalah bagus, sama ada pautan itu datang daripada pesaing anda ataupun laman web yang berkaitan dengan anda. Pengiklan utama di salah satu direktori web Samsul adalah pesaing beliau dengan bida US\$ 203!

### ❖ Syarikat SEO (Pengoptimuman Enjin Carian)

- ❖ sebahagian besar pembaca blog Samsul dan laman web teknikalnya adalah webmaster dan pemilik laman web. Syarikat SEO menyasarkan pasaran segmen ini.

### ❖ CIAO

- ❖ sebuah laman web pengguna barangan elektronik, yang mana telah menjadi pengiklan tetap dalam laman web ulasan pengguna Samsul.

## Persaingan

Dalam dunia Internet di mana perkara berlaku sepantas kilat, inovasi dan peniruan juga berlaku sepantas kilat. Persaingan tersebar luas dan begitu jugalah dengan peniruan, semua ini merupakan asam garam perniagaan.

Sebagai contoh, semasa Samsul menemui lubuk emas dengan cara memaparkan laman web dalam direktori web beliau, direktori web lain perasan dan sebilangannya telah meniru kaedah beliau. Malahan, salah satu direktori web tersebut sangat berjaya meniru cara beliau.

Seperti mana Samsul memberitahu,

***"Bila mereka tiru anda, tiru mereka balik (ciri kejayaan mereka) dan kemudian buat inovasi dan perbaikinya lagi. Persaingan adalah bagus. Ia mencipta suatu pasaran yang sihat."***

## Promosi & Pengiklanan

Seperti mana di dalam perniagaan penerbitan tradisional, penerbitan dalam talian juga memerlukan pengiklanan dan kerja-kerja promosi yang meluas dan berterusan. Samsul menggunakan banyak cara untuk mempromosikan laman web beliau:

### ❖ **Siaran Berita**

- ❖ dengan segera setelah laman web dilancarkan, Samsul menyerahkan siaran berita kepada laman web PR (laman web yang menyiarkan berita) dan laman web lain yang berpatutan.

### ❖ **Mengumumkan Dalam Forum**

- ❖ Samsul juga mempromosikan laman webnya dalam forum yang beliau kunjungi dan dalam mesej yang beliau tulis dalam forum tersebut.

### ❖ **Banner**

- ❖ iklan banner dibeli di laman web yang berkaitan dan popular. Banner ini adalah dalam bentuk grafik, sama ada statik atau bergerak, pada bahagian utama laman web.

### ❖ **Pautan Teks**

- ❖ pautan teks dibeli di laman web yang berkaitan dengan isi kandungan laman web Samsul.

### ❖ **Viral (buah mulut)**

- ❖ Samsul juga bergantung kepada buah mulut pembaca beliau yang berpuas hati. Sebuah laman web yang menawarkan isi kandungan yang baik dan tidak boleh diperolehi dari tempat lain, benar-benar boleh memperoleh manfaat dengan pengiklanan cara ini.

## Penetapan Harga

Model penetapan harga Samsul untuk pengiklan bergantung kepada beberapa faktor berikut:

### ❖ **Trafik (Pengunjung Laman Web)**

- ❖ Ini adalah kriteria utama. Pengiklan hanya akan memilih untuk meletakkan iklan pada laman web yang boleh menjangkau khalayak yang lebih ramai (pengunjung laman web yang ramai)

## ❖ **Google PageRank (kedudukan laman web mengikut kriteria Google)**

- ❖ Ini merupakan salah satu ciptaan Google – satu cara untuk menentukan kedudukan sesebuah laman web berdasarkan kepada laman web berkaitan dan juga popularitinya. Laman web yang mempunyai Google PageRank tinggi akan mendapat bermacam-macam manfaat, terutamanya bilangan pembaca yang ramai dan isi kandungannya adalah berkaitan dengan carian yang dibuat oleh pelayar web. Ini juga bermakna, anda boleh mengenakan bayaran yang lebih kepada pengiklan.

## ❖ **Backlinks (Pautan Balik)**

- ❖ Backlinks adalah laman web yang membuat pautan balik kepada laman web anda. Sebagai contoh, sebuah laman web mengenai komputer berjenama Apple akan mempunyai beberapa laman web lain, seperti aksesori komputer peribadi Apple dan perisian Apple, yang membuat pautan padanya. Jika ada backlinks yang banyak, ini bermakna pembaca /pengguna dari laman web lain juga akan dibawa ke laman web anda. Dengan itu, pengiklan dapat merangkumi lebih ramai penonton.

## ❖ **Lokasi**

- ❖ Lokasi, lokasi, lokasi. Kata-kata hikmat ini penting diguna pakai dalam dunia Internet. Di mana anda mahu menempatkan iklan anda akan mengubah harga yang dikenakan kepada anda. Suatu halaman web itu fleksibel dengan memberikan pilihan pengiklanan pada bahagian atas, bawah, kiri, kanan dan malah di tengah-tengah halaman tersebut. Bahagian atas pada umumnya dianggap lokasi yang paling mahal kerana ia bahagian pertama pelayar web akan lihat ketika mengunjung sesebuah laman web.

## ❖ **Kekerapan**

- ❖ Berapa kali anda mahu iklan dilihat? Hanya di muka depan atau pada setiap halaman laman web? Semakin banyak ia muncul dalam halaman web, semakin banyaklah bayaran pengiklan.

## ❖ **Saiz**

- ❖ Ini berkenaan saiz grafik banner dalam laman web. Pengiklan boleh membuat pilihan dari ruangan iklan yang kecil sehinggalah yang besar, berbentuk segi empat sama atau segi empat tepat.

❖ **Diskaun**

- ❖ Diskaun diberikan kepada pengiklan yang membuat bayaran terlebih dahulu dan kepada mereka yang membuat pembelian yang banyak.

---

**CONTOH**

pautan teks pada sebelah halaman - **US\$ 30**  
banner pada bahagian atas halaman - **US\$ 200**  
banner pada sebelah kanan halaman - **US\$ 100**

---

## PENGURUSAN

---

*Bahagian ini akan membincangkan amalan pengurusan dalam persekitaran perniagaan Internet dan isu berkaitan dengan bekerja dari rumah.*

## Kerjasama

Dengan menggunakan Internet untuk mengendalikan aktiviti perniagaan, Samsul juga mendapat khidmat daripada mereka yang berbakat serata dunia. Tidak seperti perniagaan tradisional, Samsul tidak perlu mengupah orang tempatan. Beliau bekerjasama dengan mereka yang berada jauh, sejauh di Serbia dan Pakistan. Internet merupakan sebahagian daripada pentas dunia tanpa sepadan yang benar-benar telah mengubah gaya bekerjasama.

### **Sekilas pandang pasukan antarabangsa beliau:**

*Reka Bentuk Templat/Web : Filipina, Serbia, Pakistan*

*Pengendali/Moderator (OSX-E) : Amerika Syarikat*

*Penulis Artikel/ Blog : Malaysia, Amerika Syarikat, India, Ekuador*

Selain daripada negara, umur ahli pasukan juga berbeza. Samsul mengupah seseorang berdasarkan merit dan kebanyakannya, beliau mengupah remaja yang masih lagi di bangku kolej.

Samsul merupakan seorang pengurus yang bersifat '*serta sama*' berbanding dengan gaya yang lebih bersifat diktator. Amnya, beliau memberikan kebebasan kepada stafnya mengenai cara pelaksanaan sesuatu kerja. Mereka hanya perlu bekerja mematuhi satu kerangka umum yang beliau tetapkan dan beberapa peraturan asas. Terutamanya, penulis blog mestilah menghasilkan satu artikel setiap hari dan pengendali mesti berada dalam talian setiap hari dalam forum/laman web yang ditugaskan. Kelemahan mengemaskini membawa kesan buruk kepada perniagaannya.

### **Bagaimana beliau mendorong penulis blog supaya bekerja keras?**

Beliau menawarkan sistem perkongsian keuntungan sebanyak 50%. Oleh itu, penulis blog memperoleh sama seperti mana Samsul dapat untuk kerjanya.

Aliran kerja dan alat kolaboratif telah banyak berubah sejak kehadiran Internet. Dengan menggunakan alat, yang kebanyakannya percuma, seseorang boleh memulakan perniagaan Internet dan mengupah orang beribu-ribu batu jauhnya. Terus terang dikatakan, ia hanya dengan satu klik tetikus. Samsul dapat menghubungi dan memberi arahan kepada pekerja beliau dengan menggunakan e-mel dan jika perlu bercakap dengan mereka, beliau menggunakan instant messenger dalam rangkaian Yahoo! & MSN.

Komunikasi adalah spontan.

## Jadual Peribadi

Selain daripada mengurus sebuah pasukan, bila terbabit dengan sistem kerja-dari-rumah, pengurusan masa merupakan isu kritikal. Bekerja dari rumah mengaburi sempadan di antara kerja dan rehat, pejabat dan keluarga. Samsul mengakui bahawa masalah ini wujud tetapi dengan mudah dapat diatasi dengan disiplin. Pada peringkat awal keusahawanan siber beliau, beliau seorang yang rajin bekerja dengan melapangkan sedikit masa bersama keluarga. Sekarang beliau mengaturkan masanya dengan satu jadual yang ditetapkan bagi mengimbangi keutamaan seharian.

### **Sekilas lalu kehidupan seharian seorang webmaster Malaysia:**

#### ❖ **6.30 - 8.00 pg**

- ❖ Selepas mandi dan sembahyang Subuh, Samsul membuka e-mel dan RSS feed. Beliau menyusun e-mel mengikut kepentingan dan keutamaan dengan menggunakan sistem 'labels' dalam GMail. Namun, beliau hanya membalas mesej yang penting ataupun yang perlu dibalas dengan segera sahaja.
- ❖ Dalam sehari, beliau menerima hampir 1000 mesej daripada 200 blog dan laman web yang beliau langgani. Kerana terlalu banyak, beliau mengimbas kesemuanya, lalu memilih dan menyusun mengikut perkara yang diminati sebelum membacanya. Sebarang artikel yang amat diminati atau berguna, beliau menghimpunkannya ke dalam perisian Microsoft OneNote.

#### ❖ **8.00 - 8.30 pg**

- ❖ Pada hari persekolahan biasa, beliau menyiapkan anak perempuan beliau untuk ke sekolah. Pada hari cuti sekolah pula, masa ini masa sarapan.

#### ❖ **8.30 - 12.00 tengah hari**

- ❖ Jika ada sebarang tempahan untuk ruangan iklan, pautan teks atau bidaan direktori, beliau menguruskannya pada waktu ini. Sebagai webmaster, ada beberapa laman web dalam senarai 'mesti kunjung' beliau. Laman web ini kebanyakannya adalah laman web yang dipenuhi maklumat, di mana beliau mendapat sumber untuk isi kandungan laman web beliau sendiri dan juga laman web e-dagang. Antaranya adalah [forum.digitalpoint.com](http://forum.digitalpoint.com), [www.sitepoint.com/forum](http://www.sitepoint.com/forum), [www.earningsforum.com](http://www.earningsforum.com) & [www.wangcyber.com](http://www.wangcyber.com)
- ❖ Melawat laman web ini mengambil masa lebih kurang satu jam sebelum kerja mengemaskini bermula. Laman web seperti [www.osx-e.com](http://www.osx-e.com) dan blog beliau dikemaskinikan setiap hari.

### ❖ 12.00 - 1.30 ptg

- ❖ Samsul menjemput anak perempuannya dari sekolah sebelum makan tengah hari dan berehat sebentar sebelum sembahyang Zohor.

### ❖ 1.30 - 5.00 ptg

- ❖ Ini adalah waktu menyelesaikan saki baki kerja. Beliau terus mengemaskini laman web yang beliau belum buat. Beliau juga memeriksa masalah pada mana-mana laman webnya, termasuk masalah kecil seperti pautan tidak berfungsi, penurunan kadar trafik dan kejatuhan kedudukan dalam enjin carian. Kemudian beliau akan terus dengan bacaan e-mel dan RSS feed.

### ❖ 5.00 - 7.00 mlm

- ❖ Selepas sembahyang Asar, beliau melakukan sedikit aktiviti senaman dan aktiviti pembersihan di sekitar rumah beliau. Contohnya, membasuh kereta, membersihkan longkang atau berjoging.

### ❖ 7.00 - 10.00 mlm

- ❖ Selepas mandi, beliau bersiap sedia untuk sembahyang Maghrib. Kemudian beliau menonton berita sebelum membantu anaknya dengan kerja sekolah. Beliau tidur seketika jika perlu. Selepas sembahyang Isyak, beliau menonton TV bersama keluarga.

### ❖ 10.00 - 12.30 mlm

- ❖ Jika tiada siaran yang menarik di kaca TV, beliau akan menggunakan masa tersebut untuk membuat perancangan. Beliau menggunakan perisian Vitalist untuk menyenaraikan tugas dan kerja. Beliau juga memikirkan artikel baru untuk diletakkan ke dalam laman web supaya beliau hanya perlu mengemaskinikannya pada hari berikutnya.
- ❖ Pada jam 12 tengah malam, beliau akan menghimpunkan jumlah trafik bagi kesemua laman web dan menganalisa kata kunci yang digunakan pengunjung beliau atau dari laman web mana mereka datang. Beliau menggunakan StatCounter untuk merekodkan semua statistik pelawat.

## KEWANGAN


---

*Bahagian ini memaparkan isu keuntungan & kos kewangan  
untuk perniagaan Internet Samsul*

## Keuntungan

Puratanya, Samsul memperoleh RM14,000 – RM15,000 sebulan. Dalam keadaan biasa, jumlah ini stabil tetapi mungkin boleh tersimpang antara RM 3,000 – RM 4,000 dalam keadaan luar biasa.

Penjana keuntungan beliau yang utama adalah laman web OSX-E (US\$ 1,500 – US\$ 2,000) diikuti laman web direktori, ventedoy (US\$ 1,000 – US\$ 2,000). Seterusnya, laman direktori web miliknya, szab.net, (US\$ 600 – US\$ 700). Manakala laman web beliau yang lain, secara puratanya berjumlah lebih kurang US\$ 1,000+.



Untuk pengetahuan, laman direktori web memberikan keuntungan segera bagi Samsul manakala blog dan jenis laman web yang memberi ulasan pula mengambil masa iaitu 3 bulan.

### Kos

Perbelanjaan bulanan perniagaan Samsul berjumlah lebih kurang RM 4000 - 6000. Terdapat dua jenis kos - kos tetap dan kos yang berubah-ubah (sekali bayaran). Di bawah adalah kos barangan dalam turutan menurun:

- **Kos Tetap**

- Sewa pelayan (server)
- Pengiklanan
- Sewa talian akses Internet

- **Kos Berubah-ubah**

- Pereka bentuk
- Pengaturcara
- Penulis artikel/blog (perkongsian keuntungan)

## RISIKO

---

*Bahagian ini membincangkan mengenai pengurusan risiko,  
cabaran & pengalaman berniaga*

## Risiko

Mengubah paradigma daripada pekerja kepada majikan adalah satu perkara yang menakutkan. Tidak seperti seorang pekerja, menerima gaji stabil dan faedah tetap, seribu satu macam perkara boleh jadi salah dengan menjadi bos anda sendiri. Tiada gaji stabil. Walaupun kos menjalankan satu perniagaan Internet adalah agak rendah berbanding dengan perniagaan di dunia sebenar, terdapat juga risiko yang terlibat.

Samsul bertembung dengan risiko ketika beliau harus membuat pilihan antara menjadi pekerja atau majikan. Salah darinya adalah satu kerja yang stabil dengan sebuah syarikat yang bereputasi baik walaupun gajinya tidaklah begitu seberapa. Manakala yang satu lagi, sebuah perniagaan berpotensi mendatangkan keuntungan yang lumayan dan satu kehidupan baru yang berlainan, meskipun masa depannya tidak diketahui.

Beliau tidak bersemangat di tempat kerja, keupayaan dan personalitinya tidak sesuai untuk tugas yang diberikan. Jadi, beliau memutuskan untuk terlebih dahulu mendapat RM 10,000 bulanan hasil perniagaan Internet sebelum menukar kerjaya. Hari itu tiba pada bulan Ogos 2005 dan meninggalkan dunia pekerjaan korporat. Beliau kini menjadi bosnya sendiri.

Cabaran datang beberapa bulan kemudian ketika beliau masih dalam proses menyesuaikan diri dengan budaya kerja baru. Terutamanya, tiada talian akses Internet di kawasan perumahannya dan cabaran pengurusan masa. Terdapat juga isu dengan orang yang diupah. Baru dalam perniagaan, beliau melakukan kesilapan seperti mengupah orang tanpa memeriksa latar belakangnya terlebih dahulu. Kesilapan sebegitu telah menyebabkan beliau kerugian US\$500 kepada seorang pereka bentuk yang melarikan diri tanpa menyiapkan satu kerja pun. Beliau juga telah memilih beberapa topik laman web dan kemudiannya mendapat tahu bahawa ia tidak sesuai. Laman web tersebut telah dijual beliau tetapi satu daripadanya telah menyebabkan kerugian sebanyak US\$200.

Namun, faedah daripada keputusan berisikonya telah lebih banyak memberikan ganjaran berbanding kerugian. Kini, beliau adalah tuannya sendiri dan boleh menjaga perkara yang benar-benar penting dalam hidup.

## Rintangan

Sebahagian besar daripada cabaran seorang usahawan ialah mengatasi rintangan dan menyelesaikan masalah. Berikut adalah antara rintangan yang dihadapinya (tidak mengikut sebarang turutan):

- **Tiada telefon & akses Internet di taman perumahan beliau**
  - (beliau menggunakan Internet wayarles)
- **Kejatuhan nilai matawang Amerika Syarikat**
- **Penilaian Harga Pintar Google AdSense**
  - (Google dahulunya membayar laman web dengan dasar harga tetap. Sistem kini membayar berdasarkan kepada nilai komersil laman web)
- **Aduan pengunjung**
- **Penyekatan Iklan**
  - (Pelayar web Firefox dan lain mempunyai satu *plug-in* untuk menyekat iklan, ini mengganggu pendapatan)

## LAIN-LAIN PERKARA

---

*Bahagian ini berhubung dengan pelbagai isu seperti rancangan masa depan dan wawasan serta menampilkan satu rencana tentang Samsul*

### *Mengenai kejayaan*

- Pada skala satu 1 - 10, Samsul menilai dirinya 7

### *Mengenai rancangan masa depan*

- RM 20,000 sebulan
- menulis beberapa buah E-Buku untuk jualan
- menjalankan kursus Perniagaan Internet Secara Langsung

### *Mengenai kelebihan & kekurangan keusahawanan siber*

- **Kelebihan**
  - i. waktu kerja fleksibel
  - ii. lebih banyak masa untuk keluarga
  - iii. tiada tekanan kerja/politik pejabat
- **Kekurangan**
  - i. diri mesti bermotivasi setiap hari
  - ii. persaingan amat sengit
  - iii. mendapat idea dengan berterusan

### *Mengenai perniagaan Internet di Malaysia*

- Perniagaan Internet, terutamanya yang berasaskan isi kandungan akan terus berkembang di Malaysia, walaupun pada kadar yang perlahan. Ini adalah kerana infrastruktur (akses internet yang perlahan, kemampuan memiliki komputer peribadi), siaran media negatif (perhatian terkini ke atas penulis blog yang berbau politik) & kurang pendedahan kepada standard antarabangsa (laman web rakyat Malaysia mempunyai reka bentuk yang kurang menarik)

### *Mengenai kemunculan trend baru*

- Laman web akan lebih interaktif, berubah daripada model statik kepada sangat interaktif. Laman web yang menekankan penglibatan komuniti akan meletus.
- Pengiklanan bentuk baru akan dicipta. Sebagai contoh, iklan dalam video (YouTube) dan pelbagai bentuk iklan dalam laman web sosial (FaceBook, Friendster, MySpace)

### *Nasihat kepada mereka yang ingin mengikut jejak langkah Samsul*

- **Belajar pengaturcaraan web**
  - Reka bentuk laman web kini sudah menjadi mudah tapi tiada yang lebih menguntungkan daripada mempunyai pengetahuan asas pembangunan laman web seperti HTML, CSS & PHP.
- **Menyertai forum**
  - Dedahkan diri anda kepada komuniti dan ideanya
- **Mulakan sebagai hobi**
  - Mula mereka bentuk/membangunkan laman web sebagai hobi dengan perbelanjaan yang rendah supaya tidak kerugian sebelum anda mempelajari cara reka bentuk yang betul
- **Baca**
  - Baca. Banyakkan membaca.
- **Sesiapa saja boleh membina laman web**
  - Dengan sikap yang betul dan kebolehan, sesiapa saja boleh belajar mereka bentuk laman web dan kemahiran yang terlibat di dalam perniagaan Internet.

## Rencana

Daripada hobi kepada pendapatan lima angka yang stabil,

SAMSUL Zamzuri Abu Bakar, 32, ramai yang terpinga-pinga apabila beliau memberitahu mereka mengenai kerjayanya.

Beliau menulis blog, tetapi untuk kebanyakan orang, menulis blog adalah satu hobi, bukan kerja. Graduan jurusan ekonomi ini juga membuat pemasaran tetapi jiran beliau tidak akan nampak beliau meninggalkan rumah berpakaian kemas bersama dengan beg bimbis untuk berjumpa dengan klien, seperti kebanyakan eksekutif pemasaran yang lain.

Hakikatnya, Samsul Zamzuri sentiasa berada di rumahnya di Sungai Buloh. Beliau adalah salah seorang daripada sejumlah kecil (tapi berkembang) rakyat Malaysia yang memperoleh pendapatan hanya melalui Internet.

Ia bermula pada tahun 2003 sebagai suatu hobi penggemar teknologi, pada ketika itu bekerja sebagai seorang juruaudit dalaman. Laman web pertamanya, menawarkan perisian percuma yang membolehkan komputer bersistem operasi Windows memuat turun paparan supaya antara mukanya seperti sistem operasi Apple Macintosh.

“Kemudian, kawan menyarankan saya supaya memasang iklan di laman web itu. Jadi saya menyertai program Google AdSense dan US\$100 (RM350) cek pertama saya datang enam bulan kemudian ,” kata Samsul Zamzuri.

Semakin banyak masa yang beliau habiskan dalam talian, trafik ke laman webnya meningkat naik dan begitu juga dengan pendapatannya.

Pada tahun 2005, sambil berpendapatan lebih kurang RM2,000 daripada kerjanya, Samsul Zamzuri sudah pun memperolehi antara RM7,000 dan RM8,000 dari yuran pengiklanan daripada koleksi laman web dan blog beliau.

Pada bulan Ogos tahun itu, beliau membuat satu keputusan drastik iaitu berhenti kerja supaya dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada perniagaan Internet.

Kini, beliau memiliki lebih daripada 15 laman web dan memperolehi pendapatan lima angka. Seseengah laman web adalah berkenaan peralatan seperti telefon bimbit dan kamera digital. Beliau mengupah penulis blog daripada negara seperti Amerika Syarikat, New Zealand dan Ekuador. Samsul Zamzuri menanggung kos perbelanjaan laman web dan berkongsi keuntungannya bersama rakan kongsi. Kesemua pemasaran beliau (supaya syarikat lain menempah iklan) dilakukan dalam talian.

Laman web yang menghasilkan pendapatan tertinggi untuk beliau ialah direktori web di mana syarikat lain membuat bayaran untuk disenaraikan, dan kemudian akan mendapat kedudukan yang lebih tinggi dalam keputusan enjin carian.

Penjana pendapatan kedua tertinggi beliau ialah laman web pertamanya (www.osx-e.com), iaitu laman web yang telah menyebabkan beliau jatuh cinta dengan dunia Internet. Samsul Zamzuri mendakwa bahawa beliau pernah ditawarkan sehingga US\$20,000 untuk laman web tersebut, tetapi tawaran tersebut ditolak atas sebab nilai sentimental.

Nasihat beliau kepada mereka yang ingin mengikuti jejak langkahnya?

***“Semasa anda baru mula, pertama sekali jangan fikirkan tentang buat duit. Anggaplah ia sebagai suatu hobi. Banyak bersabar dan bekerja keraslah. Ganjarannya cukup memuaskan.”***